

RINGKASAN

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian ringkaskan hingga menjadi kira-kira 100 patah perkataan sahaja. Penggunaan kata-kata kamu sendiri dalam susunan maksudnya yang asal akan diberi perhatian utama dalam pemarkahan.

[40 markah]

Penggunaan tumbuhan herba untuk tujuan perubatan sudah bermula sejak dahulu lagi. Berbekalkan kepelbagaian biologi perhutanan, hasil perut bumi rantau ini berpotensi untuk dimajukan dan dikomersialkan sebagai sumber perubatan herba. Oleh itu penggunaan dan kualiti tumbuhan herba perlu diteroka dan dikaji secara maksimum bagi memastikan sumber hutan ini dapat digunakan secara bijak dan berkesan.

Negara maju sudah lama mengumpulkan maklumat dan membukukan ilmu perubatan herba hingga menarik perhatian para saintis untuk menghasilkan ubat-ubatan daripada tumbuhan herba. Malangnya, di alam Melayu, pengetahuan tentang manfaat tumbuhan herba yang berkhasiat kepada kesihatan hanya diperturunkan dan diwariskan menerusi lisan dan pengalaman lampau.

Tumbuhan herba jenis sayur seperti ulam raja, petai, jering, terung pipit, cekur, pucuk gajus, pegaga, pucuk betik dan peria hampir dilupakan khasiatnya. Tumbuhan herba yang digunakan dalam masakan seperti kunyit, halia, lengkuas dan bawang putih juga mempunyai khasiat yang menakjubkan kita. Tumbuhan herba yang menjalar atau herba liar seperti misai kucing, tongkat ali dan pokok yang berkayu seperti bintangur laut, pokok mambu dan sebagainya didapati banyak membantu kita untuk melancarkan perjalanan darah.

Generasi dahulu banyak memanfaatkan khasiat tumbuhan herba. Pengalaman kehidupan harian mengajar mereka tentang jenis tumbuhan herba yang sesuai dijadikan ubat dan makanan. Kekurangan pengetahuan dalam bidang sains menyebabkan mereka membuat penilaian berdasarkan rupa bentuk, bau dan warna tumbuhan tersebut. Walau bagaimanapun, kesahihan perkara ini sering dipertikaikan disebabkan oleh penyediaan ubatan herba mungkin tidak menepati dan memenuhi piawaian perubatan di samping kekurangan dalam memberi kesan mutlak farmakologi seperti yang dikehendaki.

Pada masa ini, para saintis berusaha dengan giat mengkaji tumbuhan herba yang dikenalpasti mempunyai nilai tinggi. Beberapa jenis penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, penyakit sendi dan infeksi bakteria atau virus didapati mampu dirawat oleh perubatan herba. Hingga sekarang, banyak seminar perubatan diadakan di serata dunia bagi membincangkan hasil penyelidikan yang ditemui agar potensi tumbuhan berkenaan menjadi alternatif kepada perubatan moden.

(lebih kurang 303 patah perkataan)
Disesuaikan: *Dewan Masyarakat*, 2006

Lengkapkan ringkasan berikut.

bernilai tinggi

Generasi dahulu memanfaatkan

pengetahuan sains

secara luaran

merawat

penyakit kronik

Tumbuhan herba jenis sayur

menjalar

alam Melayu

mengumpulkan maklumat

sumber perubatan herba

sejak dahulu lagi

seminar

alternatif

secara lisan

makanan

Penggunaan tumbuhan herba untuk tujuan perubatan bermula
_____. Hutan rantau ini berpotensi sebagai
_____. Negara maju sudah lama
_____ dan membukukan ilmu
perubatan herba. Ilmu perubatan herba di
_____ hanya diwariskan
_____ dan pengalaman lampau.

_____ dan bahan masakan mempunyai khasiat yang menakjubkan. Tumbuhan herba liar dan _____ juga banyak membantu peredaran darah. _____ khasiat tumbuhan herba untuk ubat dan _____. Kekurangan _____ menyebabkan mereka menilainya _____. Kini, saintis berusaha mengkaji herba yang _____ kerana ia mampu _____ beberapa jenis _____. Banyak _____ perubatan herba diadakan sebagai _____ kepada perubatan moden.